
JURNAL ANTARABANGSA PENGAJIAN KEPULAUAN MELAYU JIL. 6 BIL. 01 (2026)
INTERNATIONAL JOURNAL OF MELAYU ARCHIPELAGO STUDIES



HIKAYAT PANGLIMA NIKOSA (1876): PERSOALAN GENRE DAN STRUKTUR

Abang Patdeli Abang Muhi¹

PENDAHULUAN

Hikayat Panglima Nikosa (HPN) dikarang oleh Ahmad Shawal Abdul Hamid, berketurunan Minangkabau. Beliau merupakan “*penulis Melayu*” atau jurutulis kepada James Brooke. Menurut R.H.W. Reece dan P.L. Thomas (1983), Ahmad Shawal merupakan sarjana dalam bahasa Arab dan Melayu yang mengajar ramai pegawai James Brooke, selain mengajarkan bahasa Melayu dan tulisan Jawi kepada Rane Margaret, isteri Charles Brooke yang mendapati beliau “*seorang yang patuh kepada tatabahasa*”². Menurut Rane Margaret lagi, Ahmad Shawal dipandang tinggi oleh golongan datu di Kuching, dan sebenarnya beliau dianggap sebagai “*wasit sastera Melayu*” orang tengah atau pengantara pelbagai persoalan yang berkaitan dengan sastera Melayu.

Novela setebal 29 halaman yang tercap di atas batu di dalam negeri Sarawak di Kuching di atas Bukit Persinggahan kepada 8 hari bulan Jamadilakhir 1293 sanat kepada 30 hari bulan Jun tahun 1876. Adapun yang empunya pekerjaan ini dan mengecapnya Encik Ahmad Shawal bin Abdul Hamid (*HPN*, 1983:29) itu dibahagikan kepada tiga jangka waktu (*period*) yang mengisahkan watak Panglima Nikosa yang tampan, gagah berani dan bijaksana yang memerangi musuh dan berjaya mengamankan negerinya, mendapat gelaran Panglima Besar serta dilantik sebagai ketua, dan berjaya memimpin pengikut-pengikutnya dengan gemilangnya untuk membuka dan memajukan negeri baharu yang dinamakan sebagai *Jalanan Baharu*, dan pada *period* ketiga, Nikosa telah menggagas pemikiran sosioekonomi yang besar bagi memajukan pengikut-pengikutnya.

Makalah ini akan menghujahkan dan menghuraikan *HPN* sebagai genre novel dan sebagai fiksi Melayu pertama berbentuk novela, dan *HPN* sebagai novela realistik. Penulis juga akan membicarakan struktur *HPN* dengan memanfaatkan pendekatan strukturalisme memandangkan struktur itu cukup penting dalam penghasilan sesebuah novel, termasuk novela.

PERSOALAN GENRE

Kesusasteraan Melayu boleh dibahagikan kepada dua genre utama, yakni kesusasteraan Melayu tradisional dan kesusasteraan Melayu moden. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (DBP,

¹ Dr. Haji Abang Patdeli bin Abang Muhi merupakan Sasterawan Sarawak VI. Beliau berkelulusan Sarjana Sastera dalam Komunikasi dan Psikologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, MA in Arts Management dari City University, London dan Doktor Falsafah Peradaban Melayu dari Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim

² Reece, R. H. W., & Thomas, P. L. (1983). Pengenalan dlm. A. S. Abdul Hamid, *Hikayat Panglima Nikosa* (P. L. Thomas, Trans., pp. 1-28). Persatuan Kesusasteraan Sarawak. (Penerbitan asal pada 1876)

1995:1228) mencatatkan bahawa kesusasteraan Melayu moden ialah kesusasteraan yang berkembang di Malaysia bermula pada tahun 1800 Masihi, semenjak kelahiran karya Abdullah Munsyi, iaitu *Kisah Pelayaran Abdullah* (1838) dan *Hikayat Abdullah* (1840), hingga ke zaman kini. Selanjutnya dinyatakan bahawa:

“...Kesusasteraan Melayu moden ini membawakan persoalan benar dan semasa tentang manusia dan masyarakat Melayu, sebagaimana yang termuat dalam akhbar dan majalah, dengan pemakaian teknik penulisan dan gaya bahasa yang lebih baharu, padat, langsung dan segar. Kesusasteraan moden ini menjurus kepada pembentukan jenis sastera yang bersifat dinamik dan kreatif, iaitu cerpen, novel, drama dan sajak, di samping bentuk karya penghayatan atau kritikan sastera. Oleh itu, kesusasteraan Melayu moden melengkapinya dengan bidang kreatif dan kritik.”

Genre ialah istilah yang digunakan bagi menyatakan jenis-jenis atau kategori-kategori yang jelas bagaimana sesebuah hasil kesusasteraan itu digolongkan mengikut bentuk atau teknik atau kadang-kadang berdasarkan pokok persoalan (*Glosari Istilah Kesusasteraan*, 2014:89). Menurut *Kamus Kesusasteraan* (DBP, 2021:118-119), genre didefinisikan sebagai:

“Kategori atau jenis karya sastera mengikut bentuk, teknik atau pokok persoalan. Genre yang dipilih untuk mengklasifikasikan karya sastera adalah pelbagai dan kriteria yang digunakan untuk tujuan klasifikasi adalah berbeza... Satu lagi klasifikasi genre bermula pada akhir abad ke-18 dan pada awal abad ke-19, apabila pengkritik Jerman membahagikan skema ini kepada tiga, iaitu sajak, novel dan drama.”

Dalam *Kamus Kesusasteraan* (DBP, 2021:249), novel ditakrifkan sebagai:

“Fiksiyen yang menampilkan watak, plot, latar, peristiwa dan sudut pandangan secara tersusun. Novel dibangunkan untuk memaparkan pertikaian, ketegangan dan konflik yang biasanya dilerai pada akhir cerita.”

Dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Kelima* (2017:1154). Novel diertikan sebagai karangan prosa yang panjang mengandungi rangkaian cerita kehidupan seseorang dengan orang di sekelilingnya dengan menonjolkan watak dan sifat setiap pelaku.

Berdasarkan beberapa pendefinisian di atas, HPN boleh dikategorikan sebagai karya fiksiyen dalam genre novel, dan secara lebih khusus sebagai subgenre novela atau novel pendek yang dari segi bentuk serta strukturnya sama seperti novel.

Hikayat Panglima Nikosa sebagai Fiksiyen Berbentuk Novela

Fiksiyen menurut *Kamus Kesusasteraan* (DBP, 2021:106) ialah karya yang bersifat imaginatif biasanya dalam bentuk prosa seperti novela, novel dan cerpen. Karya fiksiyen tidak merangkumi karya puisi dan drama walaupun kedua-duanya bersifat fiksiyen dan imaginasi.

Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2003:718) memberi makna fiksiyen sebagai: “Karya sastera yang dicipta daripada imaginasi seperti novel, roman dan cerita pendek; cerita rekaan.”

Novela atau novelet menurut *Kamus Dewan Perdana* (DBP, 2020:1543) ialah karangan dalam bentuk prosa yang lebih pendek daripada novel biasanya bersifat serius. Dalam *Longman Dictionary of Contemporary English* (Pearson Education Limited, 2008:1122) novela diperikan sebagai “a story that is shorter than a novel, but longer than a short story”. Manakala, dalam *Oxford Dictionary & Thesaurus* (1997:423) novelet diertikan sebagai *short novel*³ (novel pendek).

³ Terjemahan penyelidik ialah novel pendek

Sementara itu, *Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Kelima* (2017:1154) memerikan novela sebagai karya sastra yang berupa kisah prosa rekaan yang lebih panjang dan lebih kompleks daripada cerita pendek, tetapi tidak sepanjang novel, jangkauannya biasanya terbatas pada satu peristiwa, satu keadaan, dan satu titik tikaian; novelet yang diertikan sebagai novel pendek.

Berdasarkan takrif keempat-empat kamus yang disebut di atas, penulis merumuskan bahawa *HPN* ialah novela atau novelet atau novel pendek. Dengan kata lain, *HPN* dari segi bentuknya dapat dikategorikan dalam genre novel dengan pengertian novel pendek, sekali gus dapat dianggap sebagai fiksiyen Melayu pertama yang berbentuk novela atau novelet atau novel pendek.

Hatta, sebagai subgenre novel, *HPN* ialah novela atau novelet atau novel pendek yang mengetengahkan watak dan perwatakan, plot, latar, peristiwa dan sudut pandangan secara tersusun, serta dibangunkan oleh Ahmad Shawal Abdul Hamid untuk memaparkan pertikaian, ketegangan dan konflik yang dileraikannya pada akhir cerita.

Dalam kesusasteraan naratif seperti novela, antara unsur penting yang mesti ada ialah persoalan yang diketengahkan yang sekali gus menggambarkan pemikiran pengarang terhadap persoalan-persoalan tersebut. Sesebuah novel pendek atau novela atau novelet tidak akan lahir tanpa konflik yang digarapkan menjadi persoalan-persoalan yang menjadi landasan untuk mengembangkan plot karya itu hinggalah kepada peleraian pelbagai persoalan yang direka-ciptakan itu.

Pengertian persoalan yang dimaksudkan oleh penulis ialah segala hal, perkara, tindakan, konflik dan sebagainya yang menyangkut soal sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik Melayu yang digarap oleh Ahmad Shawal Abdul Hamid dalam *HPN*. Segala persoalan yang digarapkan itu seperti persoalan tentang kepentingan pendidikan misalnya jelas menggambarkan pemikiran futuristik pengarangnya.

Dalam konteks ini, menurut Hamzah Hamdani (DBP, 1988:182-183):

“Perkembangan cerita Hikayat Panglima Nikosa ini dapat dibahagikan kepada tiga peringkat yang meliputi tempoh 34 tahun. Peringkat pertama mengisahkan Nikosa memerangi musuh sehingga berjaya mengamankan negerinya mengambil tempoh 12 tahun (bukannya 10 tahun seperti yang dinyatakan oleh pengarang – lihat halaman 26). Pada peringkat kedua, Nikosa digelar Panglima Besar dan dilantik menjadi ketua yang memimpin pengikut-pengikutnya membuat negeri baharu bernama Jalanan Baharu dan mencapai kejayaan gemilang dalam tempoh 10 tahun. Pada peringkat ketiga, Panglima Nikosa mengemukakan ‘teori’ mencari kekayaan yang mengambil masa 12 tahun untuk mencapai kejayaan...Kisah ini terjadi di sebuah negeri ‘di sebelah Timur’ yang berada dalam keadaan tidak aman oleh sebab musuh sering menceroboh untuk mencuri dan membunuh. Negeri tersebut diketuai oleh ayahanda Nikosa.”

Daripada huraian Hamzah Hamdani tersebut, dan yang secara umumnya selari dengan *HPN* sebagai karya sastra yang berbentuk novela, watak utama dalam *HPN* ialah Nikosa atau Panglima Nikosa, kisahnya ialah peperangan, dia berkonflik dengan musuhnya, dan latarnya ialah sebuah negeri di sebelah Timur yang tidak aman.

Arakian, melalui novela atau novel pendek *Hikayat Panglima Nikosa*, Ahmad Shawal memperlihatkan sikap kritisnya sebagai seorang “wasit sastra” yang ingin mengajar pembaca-pembacanya untuk melihat kepentingan pendidikan dan kemajuan ekonomi dalam

masyarakat Melayu Sarawak, khususnya dalam sektor pertanian, sama seperti *Hikayat Abdullah* (1849) yang memperlihatkan sikap Abdullah Munsyi sebagai seorang guru yang ingin mengajar para pembacanya untuk melihat segala kebaikan dan kepincangan dalam masyarakat Melayu sendiri (*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1995). Sesungguhnya *HPN* ialah karya sastera moden berbentuk novel yang lahir 27 tahun selepas *Hikayat Abdullah*.

Secara perbandingan dengan *Hikayat Faridah Hanum* (1926) yang lahir 50 tahun selepas *Hikayat Panglima Nikosa*, *HPN* ialah novela atau novel pendek asli Melayu yang pertama, manakala *Hikayat Faridah Hanum* ialah novel saduran yang pertama diperkenalkan dalam kesusasteraan Melayu Moden (*Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1995:884) novel saduran romantisme yang mengisahkan pertemuan dan percintaan antara Faridah Hanum, anak gadis Kassim Bey, dengan Syafik Affandi, seorang pemuda daripada keturunan bangsawan dan hartawan.

Hatta, sesungguhnya *HPN* ialah novela yang serius kerana tema dan persoalan yang digarap oleh Ahmad Shawal adalah tentang sosioekonomi masyarakat Melayu dalam era pemerintahan⁴ Charles Brooke, iaitu era masyarakat Melayu rata-ratanya dibelenggu kemiskinan, dan sumber pendapatan mereka ialah pertanian tradisional.

Tegasnya, *HPN* bukannya novela romantisme yang popular seperti novel saduran *Hikayat Faridah Hanum*, tetapi novela yang berat tema dan persoalannya.

Hikayat Panglima Nikosa sebagai Novela Realistik

Sama seperti novel realistik, novela realistik boleh ditakrifkan sebagai novel pendek yang memberikan perhatian yang utama kepada gambaran peristiwa yang sebenarnya atau yang benar-benar terjadi dalam bentuk cereka. *HPN* sebagai sebuah karya sastera atau teks sastera yang tergolong sebagai cereka yang sarat dengan unsur atau nuansa realisme.

Sejauh yang berhubung kait dengan realisme dalam cereka, tidak terkecuali novela, realisme seringkali dihubungkan dengan kaedah atau gaya lukisan dalam cerita sama ada yang berhubung dengan alam, peristiwa atau manusia. Menurut *Kamus Kesusasteraan* (DBP, 2021:309) realisme didefinisikan sebagai:

“Suatu bentuk penulisan yang merakamkan kehidupan sebenar manusia dengan cara yang tepat. Realisme merujuk kepada kaedah sastera yang menekankan pemerian yang tepat dan rinci. Realisme juga merujuk kepada tanggapan yang menolak ciri-ciri romantik seperti kebaikan dan kecantikan, tetapi menegaskan tanggapan itu kepada masalah harian manusia. Kaedah realisme mementingkan pengalaman individu yang perlu disampaikan secara terang dan jujur. Realisme juga menegaskan konsep atau gaya tulisan yang bersifat objektif.”

Manakala, dalam *Glosari Istilah Kesusasteraan* (DBP, 2014:278) realisme, antara lain diertikan:

“Realisme membentangkan apa yang sebenarnya ada dan menyatakan sebagaimana adanya itu dengan tidak hanya memilih yang baik dan yang cantik atau meninggalkan yang buruk dan yang lapuk. Gaya realisme menghendaki tulisan yang objektif. Penulis melaporkan segala apa yang dilihatnya dengan tidak berselindung, dengan tidak tertahan-tahan. Ia menyingkirkan perasaan dirinya sendiri. Ia tidak mengeluarkan fikirannya, tafsirannya, keputusannya ataupun falsafahnya. Ia hanya menggunakan

⁴ Penyelidik menambah huraian iaitu “penjajahan”

segala bahan yang ada supaya bahan-bahan itu dengan sendirinya menimbulkan dan menjelaskan latar dan suasana.”

Bersandarkan kedua-dua pengertian realisme di atas, penulis merumuskan bahawa *HPN* ialah novela yang berbentuk realisme sosial tema, persoalan, watak, latar dan suasananya adalah realiti sosial, yakni berkaitan dengan masyarakat dan kemasyarakatan, khususnya masyarakat Melayu Sarawak. Tegasnya, sesebuah novel, dan dalam konteks *HPN*, unsur realisme yang terdapat dalam novela itu merangkumi:

- i. pemilihan latar yang menggambarkan dunia nyata secara tepat oleh pengarangnya;
- ii. watak yang kompleks dan tipikal; dan
- iii. plot atau alur cerita yang menceritakan peristiwa sehari-hari yang realistik dan tidak berlebih-lebihan.

Ketiga-tiga unsur dominan sesebuah karya sastera berbentuk novel tersebut, dapat dilihat dalam *HPN*, dan sebagai contoh, lewat *HPN* Ahmad Shawal melakarkan realiti masyarakat Melayu zamannya yang masih lagi hidup dalam persekitaran negeri yang tidak tenteram, tidak selamat, serta dalam ketakutan yang disebabkan pencerobohan musuh, dan yang sekali gus menyebabkan banyak aktiviti kemasyarakatan dan pekerjaan tidak dapat dijalankan (*Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Billion Ringgit*, 2018:17):

Maka musuh itu ada yang mencuri masuk ke dalam umanya serta Membunuh seorang kawannya. Maka sebab itu ayahanda Nikosa terlalu susah hatinya karena musuh itu makin menjadi berani segenap tahun dan sekelian orang di dalam negeri itu pun terlalulah sangat ketakutan dan bimbang hatinya tiadalah tentu berkerja di luar rumah atau turun ke tanah hendak mandi atau pergi ke mana-mana, maka apatah lagi berkerja di luar rumah.

PERSOALAN STRUKTUR *HIKAYAT PANGLIMA NIKOSA*

Mohammad A. Syuropati & Agustina Soebachman (2012:61) antara lain menyatakan Strukturalisme Claude Levi-Strauss beranggapan bahawa:

“Dalam diri manusia terdapat kemampuan dasar yang diwariskan secara genetik, iaitu kemampuan untuk structuring, Menyusun, suatu struktur atau menempelkan suatu struktur tertentu pada gejala-gejala yang dihadapinya. Dengan kemampuan ini, seakan manusia dapat melihat struktur di balik berbagai macam gejala. Dari sekian gejala yang ada, dipandang memiliki strukturnya sendiri-sendiri, yang disebut dengan surface structure⁵. Struktur yang ada pada sebuah mitos, sistem kekerabatan, sebuah kostum, ritual, tata cara memasak, dan lain sebagainya, disebut sebagai struktur permukaan. Hal ini dibezakan dengan deep structure (struktur dalaman), iaitu struktur dari struktur permukaan atau struktur dari struktur. Struktur permukaan itu memungkinkan para pelakunya untuk menyedarinya, tetapi struktur dalaman itu, berada pada tataran yang tidak disedari, seperti struktur yang ada dalam bahasa.”

Dalam konteks karya sastera, pendekatan strukturalisme menganalisis unsur-unsur yang membangunkan teks sastera dan hubungan antara unsur-unsur itu bagi memahami makna keseluruhan karya. Pendekatan strukturalisme yang digunakan untuk menganalisis *HPN* sebagai novela ialah pendekatan strukturalisme yang digagaskan oleh beberapa orang pakar sastera dan novelis seperti Marjorie Boulton (1975) dan Shanon Ahmad (1980) yang secara khusus menekankan perihal keobjektifannya dan tumpuannya kepada unsur-unsur intrinsik yang membangunkan karya sastera. Bahkan, pendekatan ini menganggap setiap unsur dalam teks itu sebagai penting hanya dalam konteks hubungannya dengan unsur-unsur lain dan keseluruhan struktur teks sastera itu.

⁵ Penyelidik merujuk kepada struktur permukaan atau struktur luaran

Kritikan terhadap novela *HPN* ini adalah berdasarkan kerangka teori strukturalisme fiksi Robert Stanton (2007) yang menyarankan bahawa dalam karya-karya fiksi seperti novel, ada kandungan atau unsur intrinsik yang sangat mempengaruhi kekuatan cerita dan penceritaan. Stanton membahagikan unsur-unsur intrinsik dalam sesebuah karya sastra, khususnya novel kepada dua bentuk utama, yakni fakta cerita dan tujuan karya sastra. Struktur fakta atau faktual ialah alur atau jalan cerita yang mudah yang perinciannya adalah biasa dan membentuk pola yang menengahkan tema. Unsur-unsur fakta cerita menjadi bahagian integral (bersepadu) cerita tersebut. Pengklasifikasian fakta cerita menurut Stanton terdiri daripada plot, watak dan perwatakan, latar dan tema.

Hatta, sekurang-kurangnya ada lapan unsur intrinsik yang membangunkan struktur sesebuah novel dan novela, yakni unsur tema, plot, watak, perwatakan, latar, sudut pandangan, gaya bahasa dan amanat. Unsur-unsur intrinsik ini adalah saling berhubung kait, dan mempengaruhi antara satu dengan yang lain bagi membina keseluruhan cerita dalam novel dan novela tersebut.

Menurut Boulton unsur-unsur "*struktur*" dalam novel itu ialah *verisimilitude*, sudut pandangan, plot, watak, dialog, latar dan tema. Bagi Shanon Ahmad pula yang dimaksudkan dengan unsur-unsur '*struktur*' adalah gaya bahasa, idea, latar, cerita, plot, watak dan sudut pandangan⁶.

Dalam *HPN* dapat dikesan dan dirumuskan unsur-unsur intrinsik yang terkandung di dalamnya meliputi unsur tema, plot, watak dan perwatakan, latar, dialog, sudut pandangan, gaya bahasa dan amanat atau nasihat.

PLOT

Plot *HPN* yang longgar dibina secara kronologi oleh Ahmad Shawal. Menurut Hamzah Hamdani (DBP, 1988:182):

"Perkembangan cerita Hikayat Panglima Nikosa ini dapat dibahagikan kepada tiga peringkat yang meliputi tempoh 34 tahun. Peringkat pertama mengisahkan Nikosa memerangi musuh sehingga berjaya mengamankan negerinya mengambil tempoh 12 tahun. Pada peringkat kedua, Nikosa digelar Panglima Besar dan dilantik menjadi ketua yang memimpin pengikut-pengikutnya membuat negeri baharu Bernama Jalanan Baharu dan mencapai kejayaan gemilang dalam tempoh 10 tahun. Pada peringkat ketiga, Panglima Nikosa mengemukakan 'teori' mencari kekayaan yang mengambil masa 12 tahun untuk mencapai kejayaan."

Hikayat Panglima Nikosa diakhiri dengan kejayaan Pilina dalam bidang pertanian dan perniagaan yang terancang, serta berjaya membina kehidupan yang lebih sempurna, sekali gus membebaskannya daripada belenggu kemiskinan (*HPN*, 1983:29):

"...Maka apabila hampir-hampir dua belas tahun Pilina pun memuatkan lemantaknya di dalam empat buah perahu dengan saratnya serta berlayar ke negeri Jalanan Baharu. Maka di situlah ia berjual lemantaknya. Maka, ada juga ia naik ke balai tuan Panglima serta memberi salam kepadanya. Maka pakaian Pilina itu pun dengan sempurnanya dan tiada dia bernafas seperti susah atau meminta tolong dan jauh berlainan rupanya seperti merdeka benar serta menaruh hati."

TEMA

⁶ Dipetik daripada S. Othman Kelantan.1987. Kecenderungan Baru dalam Novel Melayu. Satu Kajian Struktur. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Dalam penulisan novel kini cenderung untuk mengangkat tema dan persoalan yang berat serta serius seperti nasionalisme, patriotisme, politik, korupsi, falsafah, pendidikan, keagamaan, dan sebagainya.

Dalam *HPN*, Ahmad Shawal mengetengahkan tema yang ringan dan menggarapkan persoalan yang sederhana sesuai dengan keberadaan masyarakat Melayu pada zaman itu yang rata-ratanya sangat rendah literasinya, dan motif naratif pada waktu itu mungkin sahaja Ahmad Shawal terdorong untuk merakamkan pelbagai peristiwa yang berlaku dalam masyarakat Melayu pada era pemerintahan Charles Brooke dalam bentuk fiksyen sejajar dengan realiti sosial pada zaman itu, sekali gus sebagai satu daripada cara untuk mengidentifikasikan atau membuktikan dirinya sebagai karyawan sastera sementelahan dia dianggap sebagai “*wasit sastera*” oleh golongan bangsawan serta datu pada waktu itu.

Ahmad Shawal telah memilih untuk menggarapkan tema sosioekonomi, yakni yang berkaitan dengan persoalan pendidikan dan iktisad masyarakat Melayu., serta disampaikan melalui dialog-dialog yang sangat berfungsi.

Dalam konteks kemajuan literasi dan peri pentingnya pendidikan, Ahmad Shawal mengungkapkan (*Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Million Ringgit*, 2018:23):

“Maka, isterinya pun ada beranak kepada Panglima Nikosa tiga orang, dua laki-laki dan seorang perempuan. Maka semua anak-anaknya itu mendapat pelajaran yang baik daripada guru-guru yang mengajarnya membaca dan menulis serta cerdasnya bekerja di dalam segala pasal yang besar dan kecil dan terlebih pandai daripada orang-orang kemudian hari.”

Persoalan tentang iktisad atau ekonomi masyarakat Melayu dengan jelas diolah oleh Ahmad Shawal dengan memperjelas perihal ilmu pertanian komersial kepada Pilina sebagai wahana untuk mempertingkatkan kemaslahatan keluarganya serta masyarakat Melayu secara keseluruhannya, dan sebagai pelan pengurusan ekonominya yang komprehensif (*Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Million Ringgit*, 2018:29):

“Maka , seumpama kata pada tahun yang kedua belas mulong pun boleh ditebang dan diringga. Maka, pada tahun itu sekiranya engkau dapat dua puluh empat batang yang sedia boleh ditebang sebab di dalam sepuluh tahun batang mulong sudah tinggi dan harganya patut engkau dapat lebih daripada lima puluh ringgit. Maka, apabila engkau sampai ke situ engkau sudah naik di puncak tangga yang kedua belas. Dan, ingat baik-baik semuanya buah-buahannya yang telah ditanam berkeliling rumah itu sekian lamanya sudah berbuah menjadi keuntungan di atas diri dan menambahi belanja engkau. Maka semua buah-buahan itu seperti wang juga. Maka, di dalam dua belas tahun itu tubuh engkau serta bini engkau sudah pun lelah dan uzur dan bolehlah engkau berhenti setegal sebab ada buah-buahan dan batang mulong pakai mengganti padi.”

WATAK DAN PERWATAKAN

Watak utama dalam novel *Hikayat Panglima Nikosa Mendapat Kesusahan Ketika Perang Sebelum Kesenangan* ialah Nikosa atau Panglima Nikosa, dan daripada aspek perwatakan, Nikosa atau Panglima Nikosa digambarkan sebagai pemuda yang sangat bagus, baik daripada segi fizikalnya mahupun sifat dalamnya dan peribadinya. Kebanyakan orang menaruh harapan kepadanya (*Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Million Ringgit*, DBP, 2018:18):

“Maka, adalah pada masa ini umurnya Nikosa itu delapan belas tahun dan mukanya pun terlalu bagus dan hatinya lurus dan tabiatnya baik dan sampailah

orang-orang mengharap kepadanya kerana hatinya jernih dan terang. Maka, tatkala Nikosa itu masuk ke balai berhadapan dengan sekalian orang tua-tua, maka ia pun menyembah serta memberi salam kepadanya.”

Ahmad Shawal juga melukiskan watak dan perwatakan Panglima Nikosa sebagai pemimpin atau panglima yang gagah berani dan bijaksana daripada segala segi (*Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Million Ringgit*, DBP, 2018:21):

“...Maka, mereka itu memanggil Nikosa itu Panglima Besar dari kerana terlebih cerdiknyanya daripada orang lain. Maka, sekalian mereka itu bermuafakat serta berfikir yang patut dianya menjadi tua dan kepala di atas semua kampung. Maka, pada waktu itu umurnya tiga puluh tahun.”

Di samping watak Nikosa atau Panglima Nikosa, Ahmad Shawal juga menyetengahkan watak Pilina, seorang lelaki yang berusia kira-kira 25 tahun, yang datang meminta pertolongan Panglima Nikosa. Beliau berasal dari sebuah negeri di pinggir Sungai Tuku, sejauh tiga hari perjalanan dari Jalan Baharu. Pilina menceritakan masalah kemiskinannya sehingga, *“air matanya pun melelehkan sebagai hujan gugur dari langit”* (Reece dan Thomas, 1983:34 dalam Hamzah Hamdani, 2004:146).

Daripada petikan di atas, bukan sahaja pembaca dapat mengenali watak dan perwatakan Pilina, bahkan, juga mengetahui latar tempat seperti Sungai Tuku dan Jalan Baharu.

LATAR

Dalam *Glosari Istilah Kesusasteraan* (DBP, 2014) dinyatakan bahawa:

“Dalam cereka atau drama, latar memainkan peranan utama untuk memberi suasana kepada peristiwa-peristiwa dan manusia-manusia yang terdapat dalam sebuah cerita. Suasana yang dimaksudkan itu termasuklah ruang tempat dan ruang waktu. Dengan adanya ruang waktu dan tempat, peristiwa dan manusia menjadi konkrit dan tidak dirasakan mereka wujud atau bergerak dalam ruang yang kosong.”

Dalam *HPN* yang menjadi latar novela tersebut ialah *negeri di sebelah timur* (*HPN*, halaman 1) meskipun tidak dinyatakan secara spesifik nama negeri tersebut. *Sungai Tuku* dan *Jalan Baharu* adalah dua lagi latar yang terdapat dalam *HPN* (1983:34), selain adanya latar masa dan suasana dalam novela tersebut.

Selain itu, dalam *HPN* juga diceritakan tentang perkembangan Jalan Baharu daripada sebuah petempatan tetap menjadi pusat perniagaan, dan menjadi ibu kota seperti yang direncanakan oleh Panglima Nikosa (*Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Million Ringgit*, 2018:30), dan ini juga merupakan latar tempat, iaitu pusat perniagaan yang penting dalam novela tersebut; *“...Pilina pun memuatkan lemantaknya di dalam empat buah perahu dengan saratnya serta belayar ke negeri Jalan Baharu. Maka, di situlah ia berjual lemantaknya.”*

DIALOG

Sesebuah karya sastera, khususnya novel dan novela, lazimnya mempunyai dialog, iaitu perbualan atau percakapan antara watak-watak dalam karya sastera. Analisis tentang dialog yang pernah dilakukan oleh para penulis terkenal menunjukkan bahawa dialog memiliki nilai-nilai kesusasteraan dan stilistika yang tertentu (*Glosari Kesusasteraan*, DBP, 2014) serta fungsi tertentu seperti

menggerakkan aksi dengan caranya yang tertentu dan tidak hanya sebagai hiasan semata-mata, selain senantiasa bersesuaian dengan watak penutur, kedudukan sosial dan kepentingan utama mereka, serta memberikan semacam kesan yang bersahaja yang tanpa menyebutkan kata demi kata, kerana cereka sebagaimana diketahui umum bukanlah berkenaan dengan realiti, tetapi “*persamaan dengan realiti*”.

Selanjutnya, Othman Puteh dalam bukunya *Persediaan Menulis Novel Edisi Kedua* (DBP, 2001) memperjelas kepentingan dialog dalam novel:

“Melalui dialog para watak, kita akan mengenali peribadi atau perwatakan watak-watak itu. Di samping itu, banyak maklumat lain, terutama tentang latar dan peristiwa yang akan diketahui melalui dialog juga. Justeru, dialog yang dituturkan oleh watak akan mempercepat tempo bercerita, akan lebih menghidupkan pergerakan dan tindak-tanduk watak, akan lebih meyakinkan, dan realistik tentunya.”

Dalam *HPN* terdapat 21 dialog yang berkesan yang diujarkan bersesuaian dengan watak penuturnya, kedudukannya dan kepentingan utama watak-watak tersebut. Antara dialog yang menghidupkan pergerakan dan menjadikan tindak-tanduk watak lebih meyakinkan serta realistik dalam *Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Million Ringgit* (DBP, 2018:22), termasuklah:

“Dan lagi beta memanggil kamu sekaliannya hendak bermuafakat membuat kampung baharu di atas tanah sepertinya supaya dan membuat rumah-rumah yang tetap serta kayu-kayu teras supaya orang boleh senang berjalan dan berkebun dekat dengan rumahnya dan kesenangannya di atas anak bininya apabila lakinya pergi jauh mencari ikan atau berburu di dalam hutan.”

Selain itu, dialog yang diujarkan oleh Panglima Nikosa yang mencerminkan perwatakannya yang bijaksana, berpandangan jauh, dan memperlihatkan kemahirannya dalam bidang pertanian yang berdaya maju (*Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Million Ringgit*, 2018:29) ialah:

“Maka, seumpama kata pada tahun yang kedua belas mulong pun boleh ditebang dan diringga. Maka, pada tahun itu sekiranya engkau dapat dua puluh empat batang yang sedia boleh ditebang sebab di dalam sepuluh tahun batang mulong sudah tinggi dan harganya patut engkau dapat lebih daripada lima puluh ringgit. Maka, apabila engkau sampai ke situ engkau sudah naik di puncak tangga yang kedua belas. Dan, ingat baik-baik semuanya buah-buahnya yang telah ditanam berkeliling rumah itu sekian lamanya sudah berbuah menjadi keuntungan di atas diri dan menambahi belanja engkau. Maka semua buah-buahan itu seperti wang juga. Maka, di dalam dua belas tahun itu tubuh engkau serta bini engkau sudah pun lelah dan uzur dan bolehlah engkau berhenti setegal sebab ada buah-buahan dan batang mulong pakai mengganti padi.”

Selanjutnya, dalam dialog Panglima Nikosa yang menasihati dan mentarbiahkan Pilina (*HPN*, 1983:34), kita juga dapat mengenali watak dan perwatakan Pilina yang tegap dan kuat yang harus dimanfaatkan dengan berusaha gigih dan taat kepada suruhan-Nya demi kesenangannya sekeluarga:

“...aku melihat tubuhmu pun tegap dan tulang pun sampai kuat. Maka Tuhan seru sekalian alam pun banyak mengasihimu engkau dan memberkati engkau dan memberkati engkau. Maka dengan sepatut-patutnya engkau membalas kasihan Tuhan dan dengan betul mengerjakan pekerjaan yang disuruh-Nya dan lagi mencari supaya engkau dengan bini engkau mendapat senang dan cukup makan.”

SUDUT PANDANGAN

Dalam sesebuah karya sastera, khususnya cerpen, novel dan novela, sudut pandangan juga merupakan unsur intrinsik yang dominan. Sudut pandangan ialah cara seseorang pengarang menyampaikan

bahan-bahan ceritanya, dan menggambarkan aksi sesebuah cerita. Terdapat pelbagai jenis sudut pandangan yang digunakan oleh pengarang untuk mempersembahkan cerita, seperti sudut pandangan objektif, sudut pandangan serba tahu dan sudut pandangan terbatas (*Glosari Kesusasteraan*, DBP, 2014:321-322).

Menurut Othman Puteh (*Persediaan Menulis Cerpen*, DBP, 1991:26): “*Sudut pandangan dapat menjawab pertanyaan siapakah yang menceritakan sesuatu kisah itu. Jadi, sesungguhnya sudut pandangan memang memasalahkan siapa yang bercerita. Oleh sebab itu, sudut pandangan amat erat hubungannya dengan watak. Watak dan peribadi si pencerita akan banyak menentukan cerita yang disampaikan kepada pembaca.*”

Hikayat Panglima Nikosa diceritakan dan dipersembahkan oleh pengarangnya dengan menggunakan sudut pandangan serba tahu, yakni pengarang berbicara atau mempersembahkan ceritanya seolah-olah ia mengetahui segala-galanya. Pengarang tidak menghadkan dirinya hanya pada melukiskan gerak-geri dan tutur kata watak-watak dalam cerita itu. Sebaliknya, ia terlibat dalam membawakan pengajaran, tafsiran atau mengenakan satu-satu hukuman kepada pelaku-pelaku yang berkenaan. Ia berada dalam cerita itu dengan berbicara secara terus kepada pembaca (*Glosari Kesusasteraan*, DBP, 2014:322).

Perhatikan pelibatan pengarang melalui watak Panglima Nikosa dalam memberikan pengajaran, nasihat dan tafsiran kepada Pilina (*HPN*, 1983:34):

“...Maka lihatlah segala tanah dan air dan unggas-unggas yang diudara dan mergastua yang di dalam hutan. Maka sekeliannya itu pesaka daripada Tuhan kepada hamba-Nya yang diam di dalam dunia ini dengan percuma melainkan hendaklah manusia itu bekerja dengan tulangnya sendiri serta dengan akalunya melawan sekalian kesusahan dan kelelahan yang bertemu sepanjang umur...”

GAYA BAHASA

Apabila berbicara tentang gaya bahasa dalam novel dan novela, maka yang dimaksudkan dengan gaya bahasa itu ialah gaya bahasa sastera, dan dengan ingatan bahawa novel atau novela itu ialah teks sastera yang ditulis untuk tujuan estetik dan artistik, sekali gus menggunakan teknik-teknik sastera seperti metafora, alegori dan ironi bagi menciptakan kesan emosi dan estetik kepada pembaca tentu sahaja tujuan estetik dan artistik serta teknik-teknik sastera yang digunakan oleh pengarang dalam karya masing-masing sangat dipengaruhi oleh latar zaman karya itu dikarang.

Barang diingat, Ahmad Shawal mengarang dalam tahun 1870-an, dan dalam tulisan Jawi. Maka, sudah tentulah gaya bahasanya masih terikat dengan gaya bahasa hikayat novela *HPN* ialah suatu bentuk novel hikayat, iaitu novel moden yang menggunakan unsur dan gaya cerita daripada genre hikayat.

Seyogianya, gaya bahasa sastera, tentulah gaya yang khas digunakan untuk genre kesusasteraan, dan menurut Keris Mas (DBP, 1988:15):

“Kesusasteraan ialah kesenian yang menggunakan bahasa sebagai alatnya seperti seni lukis menggunakan cat dan berus sebagai alatnya. Perbezaan bahasa sebagai alat seni dengan bahasa sebagai alat komunikasi lainnya ialah bahasa alat seni itu mengandungi nilai estetik, iaitu nilai yang mengharukan dan membangkitkan perasaan. Jadi tidak saja menyampaikan idea maklumat tetapi penyampaian idea dan maklumat itu menimbulkan keharuan, di samping merangsang daya fikir dan akal.”

Justeru, umumnya gaya bahasa hikayat ditandai oleh penggunaan bahasa Melayu klasik yang sarat dengan majas seperti hiperbola dan simile, kata-kata arkaik, dan selalunya menggunakan kata hubung (*conjunction*) seperti ‘Maka’, ‘Dan’ atau ‘Lalu’ pada awal ayat. Dalam *HPN*, Ahmad Shawal banyak menggunakan kata hubung ‘Maka’ (*Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Million Ringgit*, 2018:18):

“Maka, adalah pada masa ini umurnya Nikosa itu delapan belas tahun dan mukanya pun terlalu bagus dan hatinya lurus dan tabiatnya baik dan sampailah orang-orang mengharap kepadanya kerana hatinya jernih dan terang. Maka, tatkala Nikosa itu masuk ke balai berhadapan dengan sekalian orang tua-tua, maka ia pun menyembah serta memberi salam kepadanya.”

Ahmad Shawal juga menggunakan gaya bahasa arkaik, yakni penggunaan kata lama yang jarang-jarang digunakan dalam percakapan moden seperti ‘*arakian*’, ‘*hatta*’, ‘*syahadan*’ dan ‘*alkisah*’. Contohnya, penggunaan kata ‘*alkisah*’ (*HPN*, 1983:2):

“Alkisah maka adalah diceterakan oleh orang yang empunya cetera ini, maka adalah pada zaman ini di dalam negeri yang di sebelah timur maka seorang yang bernama Nikosa. Maka ayah bondanya orang bumi dan tabiatnya terlalulah baik kepada segala kaum keluarganya yang ada diam di dalam negeri. Maka pada tatkala ini Nikosa itu baharulah angkat-angkat bujang.”

AMANAT ATAU NASIHAT

Amanat atau mesej yang paling jelas yang dikemukakan oleh Ahmad Shawal dalam *HPN* kepada masyarakat Melayu pada waktu itu adalah untuk mementingkan pendidikan dan memantapkan ekonomi dengan berusaha gigih serta mempelbagaikan aktiviti ekonomi demi mencapai kemaslahatan hidup.

Dalam *HPN*, Ahmad Shawal juga secara implisit berpesan agar orang Melayu senantiasa memajukan ekonomi keluarga dan masyarakat untuk meningkatkan taraf hidup masing-masing, khususnya melalui aktiviti pertanian yang terancang dan sistematik (*Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Million Ringgit*, DBP, 2018:27-28);

“...di dalam tahun kedua permulaannya engkau mesti mendapat tanah yang sekiranya besar seratus depa persegi. Maka, di atas tanah itu engkau serta bini engkau bertanam padi secukup memenuhi tanah itu yang besarnya lima puluh depa persegi. Maka, banyak padi yang patut dapat dari tanah itu lima puluh pasuk jikalau kiranya ditolungi Allah berserta engkau rajin bekerja dengan usaha membuang rumput-rumput dan membuat pagar dan memelihara baik-baik supaya jangan apa-apa merosaki. Dan, pada waktu pergi mencari ikan atau burung sebagainya, mesti salah seorang tinggal menjaga padi itu. Maka, sementara engkau menebas dan menanam padi menanti-nanti padi masak, bolehlah engkau sedia tanah yang dekat berkeliling rumah itu, bertanam pisang dan buah angkalak dan nangka banyaknya sepuluh batang satu-satu macam...”

Unsur amanat atau nasihat sangat jelas dalam *HPN*, dan novela itu diakhiri dengan amanat yang sangat bermanfaat (*HPN*, 1983:29); *“Maka inilah halnya daripada sebab mengikut adat dan peraturan yang betul di dalam dunia ini melainkan selamat selama-lamanya adanya. Tamatlah cetera Panglima Nikosa yang amat indah-indah nasihatnya.”*

KESIMPULAN

Menurut A. Wahab Ali (2009), *HPN* ialah karya transisi antara cerita tradisi dan novelet. Bagi penulis, *Hikayat Panglima Nikosa* ialah sebuah karya sastera naratif atau novel yang pendek kerana dari segi

takrif yang dimaksudkan dengan novel ialah “*karangan yang panjang dalam bentuk prosa yang menggambarkan jalinan watak, peristiwa, jalan cerita dan lain-lain yang kompleks*” (Kamus Dewan Perdana, 2020).

Bagi penulis, *HPN* ialah novel yang pendek ataupun novela bukannya cerpen yang panjang seperti yang dirumuskan oleh A. Wahab Ali (2009) dengan mengasaskan hujahnya pada ukuran purata Hashim Awang terhadap cerpen Melayu, iaitu 3,000 patah perkataan, kerana sesebuah cerpen daripada segi penulisannya tidak dibahagikan kepada bab-bab, sedangkan *HPN* dari aspek ektrinsiknya dibahagikan kepada bab-bab berserta subjudul.

Maka, berdasarkan pembahasan serta penghujahan terhadap *HPN* dengan tumpuan kepada persoalan genre dan struktur, penulis menyarankan agar *HPN* diangkat sebagai novela Melayu yang pertama.

RUJUKAN

- A. Wahab Ali (2009) *Kesusasteraan Melayu dalam Bandingan dan Pendidikan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa (2017) *Kamus Besar Bahasa Indonesia Edisi Kelima*. Jakarta: Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2018) *Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Million Ringgit*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2020) *Kamus Dewan Perdana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2021) *Kamus Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam (2003) *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam.
- Escarpit, R. (2008) *Sosiologi Sastra*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Hamzah Hamdani (1988) *Wajah Sastera Sarawak: Sebuah Kumpulan Esei*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani (2004) *Pertumbuhan dan Perkembangan Sastera Melayu di Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas (1988) *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad A. Syuropati & Agustina Soebachman (2012) *7 Teori Sastra Kontemporer & 17 Tokohnya*. Yogyakarta: IN AzNa Books.
- Persatuan Kesusasteraan Sarawak (1983) *Hikayat Panglima Nikosa The Story of Panglima Nikosa*. Kuching: Persatuan Kesusasteraan Sarawak.

- S. Othman Kelantan (1987) *Kecenderungan Baru dalam Novel Melayu: Satu Kajian Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad, Zakaria Ariffin, Ahmad Kamal Abdullah & Suhaimi Hj. Muhammad (Peny.) (1988) *Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stanton, R. (2007) *Teori Fiksi*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Syed Othman Syed Omar & Hamzah Hamdani (Peny.) (2018) *Kajian Karya Terpilih Sasterawan Malaysia: Hikayat Panglima Nikosa dan Kecurian 5 Million Ringgit*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.